KATA MAJMUK

1. Pihak Projek Jalan telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengguna ..... .
   A. balai raya C. bunga raya
   B. lebuh raya D. bandar raya
2. Zazli membeli ..... di kedai Mak Leha untuk juadah minuman petang.
   A. pokok pisang C. pisang goreng
   B. goreng pisang D. pisang masak
3. Pihak tentera Iraq melontarkan sebutir ..... terhadap tentera Israel.
   A. peluru air C. bom lama
   B. bom tangan D. peluru besi
4. Sempena perkahwinan kakak, para tetamu di hidangkan dengan ..... .
   A. nasi air C. nasi minyak
   B. nasi lemak D. minyak kelapa
5. Semasa menyusuri gua itu, pendaki-pendaki dapat melihat ..... di dinding gua.
   A. tanah liat C. tanah pasir
   B. tanah gambut D. batu kapur
6. Projek ..... minyak di Perairan Trengganu sedang rancak dijalankan.
   A. cari duit C. cari benda
   B. cari gali D. cari emas
7. Adik Haikal sering memakai ..... yang dihadiahkan oleh ayah ke sekolah.
   A. jam loceng C. jam tangan
   B jam randik D. jam dinding
8. Pada hari minggu, ibu ke ..... Giant untuk membeli keperluan dapur.
   A. pasar raya C. pasar ikan
   B. pasar malam D. pasar pagi

KATA MAJMUK

12. ..... syarikat itu menikmati cuti selama lima hari semasa sambutan Hari Raya Aidil Fitri.
    A. Olahraga C. Kakitangan
    B. Pilihanraya D. Suruhanjaya
13. Larian Merdeka itu terbuka kepada ..... Malaysia sahaja.
    A. matahari C. antarabangsa
    B. setiausaha D. warganegara
14. Lee Chong Wei merupakan bekas pemain badminton yang terkenal peringkat .....
    A. bumiputera C. kerjasama
    B. antarabangsa D. dermasiswa
15. Encik Kamil ialah seorang ..... di syarikat guaman itu.
    A. peribadi C. peribumi
    B. peguamcara D. pesuruhjaya
16. ..... Persatuan PIBG sedang menyiapkan minit mesyuarat untuk perjumpaan akan datang.
    A. Sukarela C. Suaikenal
    B. Setiausaha D. Suratcara
17. Ibu bapa perlu menurunkan ..... pada surat kebenaran murid untuk pertandingan daerah.
    A. dinihari C. tandatangan
    B. perihal D. cenderahati
18. Encik Ramali dalam perjalanan hendak memperbaharui ..... keretanya di Jabatan Pengangkutan jalan.
    A. cukai jalan C. cukai jualan
    B. cukai pintu D. cukai belian
19. Adik memakai ..... untuk menghangatkan badannya ketika berada di Tanah Tinggi Cameron.
    A. baju sejuk C. baju tidur
    B. baju hujan D. baju Melayu

9. Tukang rumah menggunakan ..... untuk mengangkut pasir.
   A. kereta kebal C. kereta api
   B. kereta lembu D. kereta sorong
10. Setiausaha sedang menulis ..... bagi memohon peruntukan keawangan.
    A. kertas turap C. kertas A4
    B. kertas kerja D. kertas minyak
11. Farah merupakan ..... bagi "Program Motivasi Bestari" di sekolahnya.
    A. urus diri C. urus duit
    B. urus setia D. urus pejabat
12. Mereka meminta ..... daripada Syarikat itu kerana menjual barang tiruan.
    A. ganti diri C. ganti rugi
    B. ganti baju D. ganti tikar
13. Wartawan itu membuat ..... dulu dengan artis itu untuk berbincang isu panas.
    A. janji palsu C. temu bual
    B. janji manis D. temu janji

20. Datuk Kamarul dan keluarganya menaiki ..... ketika bercuti mengelilingi Pulau Langkawi.
    A. kapal layar C. kapal laut
    B. kapal tunda D. kapal selam
21. Peniaga kantin hendaklah menutup makanan yang dijual dengan .....supaya tidak dihinggapi lalat.
    A. tudung saji C. sarung getah
    B. kain tudung D. sarung tangan
22. ..... ukiran masjid lama itu adalah berkonsepkan awan larat Melayu.
    A. Reka cipta C. Reka seni
    B. Reka bentuk D. Reka hias
23. Setiap pagi, nenek akan membuka ..... di dapur untuk menghirup udara segar.
    A. daun palas C. daun tingkap
    B. daun kunyit D daun pandan
24. Kerajaan menggalakkan penggunaan bahan yang ..... untuk mengurangkan pencemaran alam.
    A. senang alih C. mudah alih
    B. mesra alam D. mesra pengguna